BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 11/08/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Jumaat, 28 November 2008

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2008

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan sederhana pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2008 (S208: 6.7%) ketika ekonomi global dan persekitaran kewangan antarabangsa mengalami kemerosotan yang ketara. Eksport bersih barangan dan perkhidmatan benar merosot sebanyak 14.8% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 20% pada suku kedua 2008.



Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang meningkat 6.5% (S2 08: 8.3%) berikutan peningkatan penggunaan swasta dan awam yang berterusan. Pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh sebanyak 8.1% (S2 08: 9%) disokong oleh kesan bayaran bonus kepada kakitangan awam, perbelanjaan dalam musim perayaan dan bayaran rebat tunai bagi subsidi bahan api. Sementara itu, penggunaan awam meningkat 6.9% (S2 08: 10.9%) disebabkan oleh perbelanjaan emolumen, dan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pembentukan modal tetap kasar berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.1% (S2 08: 5.6%) disebabkan oleh aktiviti pelaburan swasta yang terjejas oleh sentimen perniagaan yang berhati-hati dalam keadaan peningkatan harga dan ketidaktentuan dalam persekitaran luaran. Walau bagaimanapun, pelaburan disokong oleh perbelanjaan pembangunan awam yang lebih tinggi, khususnya bagi sektor pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar, dan pendidikan.

Sektor perkhidmatan terus meningkat dengan kukuh sebanyak 7.1% (S2 08: 8.2%) berikutan pertumbuhan subsektor perbankan dan insurans yang lebih tinggi, dan aktiviti penggunaan yang menggalakkan pada suku ketiga. Pertumbuhan sektor perkilangan lebih perlahan (1.8%; S2 08:5.6%) disebabkan terutamanya oleh kelemahan industri berasaskan eksport. Walau bagaimanapun, industri berorientasikan dalam negeri terus mencatat pertumbuhan yang kukuh, disokong terutamanya oleh industri kelengkapan pengangkutan, keluaran berkaitan pembinaan dan industri makanan. Sektor pertanian tumbuh pada kadar yang lebih sederhana (3%; S2 08: 6%) berikutan penurunan pengeluaran minyak sawit ketika hasil pengeluaran mula berada pada kitaran menurun. Di samping itu, sektor pembinaan terus menjadi sederhana (1.2%; S2 08: 3.9%) akibat daripada aktiviti segmen kediaman dan kejuruteraan awam yang lebih lemah dalam keadaan harga bahan binaan yang lebih tinggi. Pertumbuhan sektor perlombongan adalah lembap (-0.3%; S2 08: -0.5%) ekoran pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 8.4% pada suku ketiga (S2 08: 4.8%). Inflasi yang lebih

tinggi pada suku itu mencerminkan harga runcit petrol dan diesel yang lebih tinggi berikutan penstrukturan semula subsidi pada 4 Jun 2008; tarif elektrik yang lebih tinggi dari 11 Julai 2008; dan juga harga makanan yang lebih tinggi. Tanda-tanda menunjukkan bahawa inflasi telah mencapai paras tertinggi pada suku ketiga. Penurunan harga makanan dan komoditi global di samping pertumbuhan yang lebih sederhana akan meredakan tekanan terhadap harga dalam negeri pada masa depan. Selain itu, Kerajaan telah mengurangkan harga bahan api dalam negeri ekoran harga tenaga yang menurun. Peningkatan bekalan juga telah mengurangkan harga beras.

Dalam sektor luaran, imbangan perdagangan mencatat lebihan tertinggi (RM41.6 bilion; S2 08: RM40.6 bilion) sekali lagi pada suku ketiga. Pertumbuhan eksport walaupun lebih sederhana tetapi kukuh (16.9%; S2 08: 20.8%), disokong oleh keluaran komoditi dan keluaran perkilangan berasaskan sumber. Pengeksport komoditi memperoleh manfaat daripada harga lebih tinggi yang telah dipersetujui sebelum berlakunya kelembapan harga komoditi global, manakala eksport keluaran berasaskan sumber disokong oleh harga yang lebih tinggi dan permintaan yang mapan. Import kasar meningkat 10.3% (S2 08: 9.9%) disebabkan terutamanya oleh import barangan pengantara dan barangan penggunaan yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan import barangan modal yang lebih rendah mencerminkan aktiviti pelaburan swasta yang lebih perlahan dalam ekonomi dalam negeri.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), seperti yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia, meningkat kepada RM21.5 bilion (S2 08: RM12.6 bilion). Ini mencerminkan terutamanya pinjaman jangka pendek antara syarikat untuk operasi perbendaharaan berpusat dan pinjaman tersebut yang telah dibayar balik pada suku yang sama. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang sebahagian besar disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini, FDI bersih berjumlah RM2.7 bilion (S2 08: RM8.6 bilion) telah disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas, serta perkilangan.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM16.1 bilion (S2: 08: -RM3.6 bilion) untuk pelaburan terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM38.4 bilion (S2 08: -RM31 bilion) disebabkan oleh proses pembayaran balik hutang global (de-leveraging) yang berterusan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM379.3 bilion (bersamaan dengan USD109.7 bilion) pada 30 September 2008. Rizab berjumlah RM343.8 bilion (bersamaan dengan USD99.7 bilion) pada 14 November 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

OPR tidak berubah pada suku ketiga

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada paras 3.50% sepanjang suku ketiga. Paras OPR semasa ini terus konsisten dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang dijangka sederhana pada tahun 2009, berbanding dengan paras semasanya yang tinggi.

Dengan OPR tidak berubah, kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang adalah stabil pada suku ketiga. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata terus tidak berubah pada suku ketiga, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah pada 5.96% pada akhir bulan September. Kadar deposit secara relatif stabil pada tempoh tersebut.

Meskipun wujud kesukaran dalam perkembangan pasaran kewangan antarabangsa, sistem kewangan domestik Malaysia terus mempunyai permodalan yang kukuh dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan terus menyediakan akses kepada pembiayaan. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang 13.4% pada akhir bulan September. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan

pada suku ketiga terus meningkat, disumbangkan terutamanya oleh sektor perniagaan. Hasilnya, jumlah pinjaman terkumpul meningkat 10.6% pada akhir bulan September. Walau bagaimanapun, permohonan dan kelulusan pinjaman menjadi sederhana disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk pinjaman baharu daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM6.6 bilion pada suku ketiga. Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM3.7 bilion, manakala dana bersih yang diperoleh melalui pasaran ekuiti meningkat kepada RM2.2 bilion. Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh berjumlah RM14.8 bilion pada suku ketiga. Disebabkan penebusan sekuriti Kerajaan yang besar, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM680 juta.

Wang secara luas atau M3 berkembang sebanyak RM13.7 bilion pada suku ketiga, atau pada kadar tahunan sebanyak 13.5% pada akhir bulan September. Pertumbuhan M3 disokong oleh pengembangan kredit yang berterusan dan peningkatan perbelanjaan oleh Kerajaan.

Pembayaran balik hutang dan penghindaran risiko dalam kalangan pelabur di seluruh dunia telah meningkat dalam keadaan kemelut kewangan global yang berterusan. Dolar Amerika Syarikat (AS) bertambah kukuh berikutan pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan AS dalam pasaran kewangan antarabangsa dan aliran masuk dana ke dalam Perbendaharaan AS. Pelupusan *carry trade* bagi mata wang yen Jepun juga berlaku dengan pantas dan dalam jumlah besar yang mengakibatkan mata wang berhasil tinggi bertukar arah dengan ketara, khususnya dolar New Zealand dan Australia. Berlatarkan keadaan ini, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.5% berbanding dengan dolar AS dan 7.3% berbanding dengan yen Jepun pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.8%) dan euro (3.9%) ketika terdapat tanda-tanda bahawa keadaan ekonomi dalam ekonomi-ekonomi Eropah sedang merosot dengan pantas. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 0.5% dan 5.7%. Walau bagaimanapun, berbanding dengan won Korea, ringgit menambah

nilai sebanyak 9.9%. Pada tempoh 1 Oktober hingga 27 November 2008, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-4.5%) dan yen Jepun (-12.8%), dan menambah nilai berbanding dengan paun sterling (11.8%) dan euro (6.1%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 0.9% hingga 24.1%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-4.7%), peso Filipina (-1.2%) dan baht Thailand (-0.8%).

Sistem perbankan terus berdaya tahan

Sistem perbankan terus berdaya tahan, disokong oleh permodalan yang kukuh, keberuntungan yang mapan dan paras pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) yang terus menurun. Pada akhir bulan September, paras permodalan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13% dan 10.5%. Keberuntungan sistem perbankan terus mapan (RM4.1 bilion), dengan pulangan purata tahunan terhadap aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 18.7%. Pinjaman tak berbayar bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan telah menurun sebanyak 4.6% kepada RM16.7 bilion untuk mencakupi 2.4% daripada jumlah pinjaman bersih. Nisbah NPL bersih terus tidak berubah pada 2.4% pada akhir bulan Oktober 2008. Dengan mengambil kira kedudukan kewangan yang mantap dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan, kedudukan institusi perbankan tetap teguh untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Sebagai langkah pencegahan awal dan berjaga-jaga bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa berkuat kuasa pada 16 Oktober 2008, kesemua deposit mata wang ringgit dan asing akan dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga bulan Disember 2010, manakala akses kepada kemudahan mudah tunai Bank Pusat akan diperluas kepada syarikat insurans dan pengendali takaful.

Impak ekonomi krisis kewangan global

Melangkah ke hadapan, kemerosotan persekitaran kewangan global telah mula memberikan kesan buruk terhadap aktiviti ekonomi global. Pertumbuhan global ternyata semakin lemah dengan beberapa ekonomi negara maju mengalami kemelesetan ekonomi. Akibatnya, tanda-tanda pertumbuhan akan menjadi sederhana dalam ekonomi sedang pesat membangun telah mula kelihatan. Meskipun suntikan mudah tunai ke dalam pasaran kewangan giat dijalankan dan terdapat permodalan semula institusi-institusi kewangan besar di negara-negara perindustrian utama, pasaran kewangan antarabangsa masih belum pulih dan terus menjadi amat tidak menentu. Walau bagaimanapun, penurunan pertumbuhan yang ketara dan kemerosotan harga komoditi telah meredakan kebimbangan terhadap inflasi.

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka dan mempunyai kesalinghubungan kewangan dan ekonomi benar yang kukuh dengan seluruh dunia, perkembangan luaran telah memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Kelembapan pertumbuhan global yang ketara dijangka memberikan kesan kepada sektor eksport manakala ketidaktentuan yang berterusan dalam keseluruhan pasaran kewangan mungkin menjejaskan prospek perniagaan. Walaupun pertumbuhan dijangka sederhana dalam tempoh yang lebih mencabar ini, ekonomi akan terus berkembang.

Daya tahan negara yang lebih baik terletak pada asas-asas kukuh yang terbina sejak beberapa tahun yang lalu. Lebihan akaun semasa yang terus kukuh, hutang luar negeri yang rendah, rizab antarabangsa yang besar dan permodalan sistem perbankan yang kukuh akan menjadikan kedudukan ekonomi Malaysia lebih utuh bagi mengharungi tempoh yang mencabar ini. Strategi pada masa hadapan adalah untuk mengekalkan permintaan dalam negeri, mengurangkan kelemahan luaran Malaysia dan memastikan pengantaraan kewangan berjalan lancar. Bagi mengurangkan kesan pertumbuhan global yang lemah terhadap ekonomi dalam negeri, Kerajaan telah mengumumkan langkah awal Pelan Penstabilan Ekonomi sebanyak RM7 bilion pada 4 November 2008. Perbelanjaan tambahan ini

merangkumi langkah-langkah merangsang penggunaan dan pelaburan swasta. Sebagai langkah awal pencegahan yang bertujuan menyediakan persekitaran monetari yang lebih akomodatif bagi menyokong permintaan dalam negeri, pada 24 November 2008, Bank Negara Malaysia telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kepada 3.25 peratus dan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 4% kepada 3.5% berkuat kuasa 1 Disember 2008.

Bank Negara Malaysia
28 November 2008